

Aswara bakal dibuka di Taman Ilmu

Bakal naik taraf jadi universiti penuh dengan nama Universiti P Ramlee

TEMBILA - Sebuah lagi universiti akan beroperasi di Taman Ilmu sekiranya cadangan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) untuk membuka kampus utama di situ diluluskan kementerian berkaitan.

Rektor Aswara, Datuk Prof Dr Ir Mohd Rizon Juhari berkata, Aswara yang akan dinaiktarafkan menjadi universiti penuh dikenali sebagai Universiti P Ramlee, berminat untuk membuka kampus induk di Taman Ilmu.

Menurutnya, pihak mereka bercadang memilih salah satu kompleks pendidikan di situ sebagai kampus Universiti P Ramlee, yang dijadualkan akan melakukan pengambilan pelajar baharu pada September depan.

"Dengan persetujuan kerajaan negeri, kami telah meminjam fasiliti sedia ada dan satu laporan lengkap berhubung hasil tinjauan tersebut termasuk memohon menjadikan kampus universiti berkenaan akan diajukan kepada Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz untuk kelulusan," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan di situ,



Mohd Rizon (depan, lima kiri) bersama Idris dan pegawai tinggi Aswara, UniSZA serta wakil kerajaan negeri ketika melawat Taman Ilmu.

INFO
● Dijadualkan akan melakukan pengambilan pelajar baharu pada September ini

akan dipindahkan ke Taman Ilmu dan pengambilan pertama penuntut baharu di sini dianggarkan sekitar 700 orang.

"Kampus Aswara di Kuala Lumpur tidak mampu menampung bilangan pelajar yang meningkat memandangkan permohonan untuk memasukinya tinggi. Sekarang menawarkan satu program doktor falsafah, satu ijazah sarjana, 19 program ijazah sarjana muda dan lapan diploma," katanya.

Untuk rekod, UniSZA setakat ini telah menggunakan kemudahan-an satu blok asrama di Taman Ilmu sebagai asrama penuntutnya.

Sinar Harian difahamkan banyak lagi universiti awam dan juga swasta yang berminat membuka kampus mereka di Taman Ilmu, yang selama ini menjadi isu kerana terbelengkal disebabkan masalah tertentu.

dalam memastikan cadangan tersebut menjadi kenyataan.

Tambahnya, Aswara sekarang mempunyai lebih 700 pelajar yang mengikuti pengajian di lapan fakulti iaitu Muzik, Teater, Penulisan Kreatif, Animasi dan Multimedia, Rekaan Komunikasi Visual, Pengurusan Seni, Filem serta Televisyen.

Menurutnya, jika cadangan menubuhkan Universiti P Ramlee kelak dijangka sebahagian besar fakulti

berpendapat Taman Ilmu sesuai dijadikan kampus induk kerana kemudahan yang dapat menampung lebih 1,000 penuntut dalam satu masa, di samping mempunyai ciri seni bina menarik berasaskan warisan dan kesenian negara sesuai dengan universiti berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan lanjut dengan kerajaan negeri dan Kementerian Pendidikan Tinggi

kelmarin.

Turut serta membuat tinjauan ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perlindungan dan Komoditi negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof; serta Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Datuk Prof Dr Ahmad Zubaidi Abd Latif.

Mohd Rizon berkata, pihaknya